

8.2.2024

Siaran Media

IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

EMPANGAN AIR ITAM: PBAPP MINTA BANTUAN SPAN UNTUK PEMBENIHAN AWAN

PULAU PINANG, Khamis, 8.2.2024: PBAPP secara rasmi telah menulis surat kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk mendapatkan bantuan segera bagi operasi pembenihan awan yang akan dijalankan di kawasan tadahan air Empangan Air Itam dan Loji Rawatan Air (WTP) Air Itam.

Dalam surat bertarikh 2.2.2024, PBAPP telah meminta Ketua Pegawai Eksekutif SPAN Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman membantu dalam merancang dan melaksanakan operasi pembenihan awan pada Mac 2024 (musim antara monsun) untuk menyokong usaha kami untuk meningkatkan kapasiti efektif Empangan Air Itam.

Kami telah menyatakan bahawa operasi pembenihan awan adalah penting bagi PBAPP untuk mengekalkan perkhidmatan bekalan air berterusan di Air Itam, bagi manfaat kira-kira 30,000 pengguna air termasuk pengguna domestik dan bukan domestik.

Kami juga telah memaklumkan kepada SPAN bahawa operasi pembenihan awan pada Mei dan Jun 2023 telah menyumbang kepada jumlah hujan sebanyak 30.5mm di kawasan tadahan Empangan Air Itam dan LRA Air Itam tahun lepas. Hujan telah membantu memastikan tiada krisis air di Air Itam pada tahun 2023.

PBAPP sedang menunggu maklum balas SPAN untuk memulakan perbincangan awal berhubung cadangan operasi pembenihan awan.

Pembenihan awan: faktor penting untuk menyokong kejayaan AIDAP 2024

Seperti yang diumumkan Jumaat lalu, PBAPP akan mendapatkan kelulusan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang minggu ini untuk melaksanakan "Pelan Tindakan Empangan Air Itam 2024" (AIDAP 2024).

Di bawah AIDAP 2024, PBAPP menyasarkan untuk meningkatkan kapasiti efektif Empangan Air Itam secara beransur-ansur dengan:

- Mengurangkan pelepasan air dari empangan daripada aliran masuk purata air mentah ke dalam empangan setiap hari. Purata aliran masuk ke empangan ialah 15 juta liter sehari (JLH). PBAPP hanya akan melepaskan 11 JLH untuk disalurkan kepada LRA Air Itam;

- Mengekalkan aliran masuk sebanyak 6 JLH daripada Muka sauk Utama dan Muka sauk Tat ke LRA Air Itam; dan
- Mengepam 33 JLH air terawat ke dalam kawasan perkhidmatan LRA Air Itam dari Ruimah Pam Padang Brown. Air terawat datanginya dari LRA Sungai Dua di Seberang Perai.

Kejayaan AIDAP 2024 bergantung kepada:

- a. Aliran masuk harian sebanyak 15 JLH air mentah ke dalam Empangan Air Itam dari muka sauk Balik Pulau, muka sauk Sungai Tepi dan muka sauk Sungai Pinang Barat; dan
- b. Aliran masuk harian sebanyak 6 JLH air mentah ke LRA Air Itam dari muka sauk Utama dan Muka sauk Tat.

Oleh yang demikian, kami memohon bantuan Kerajaan Persekutuan untuk menjalankan operasi pembenihan awan bagi mendorong hujan sebanyak mungkin di kawasan tadahan air untuk lima muka sauk yang terlibat.

Sementara itu, PBAPP juga merancang untuk mendapatkan pengesahan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang minggu ini untuk memulakan AIDAP 2024.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my